

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	4/7/2011

Misi flotila umpama dalam tahanan



KHAIRY Jamaluddin (empat dari kiri), Ketua Misi Lifeline4Gaza, Dr. Noorazman Mohd. Samsudin (lima dari kiri), Ahmad Zaki Zahid (dua dari kiri) dan Ahli Parlimen Shah Alam, Khalid Abdul Samad (empat dari kanan) bersama peserta misi kemanusiaan dari Malaysia dalam misi pelayaran ke Gaza di Pulau Corfu, Greece, semalam. - BERNAMA

Oleh **MOHD. NAZRIF MOHD. NOR**
pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 3 Julai - Kesemua kapal yang terlibat dalam misi flotila antarabangsa boleh diumpamakan seperti berada 'dalam tahanan' setelah pihak berkuasa Greece melarang sebarang kapal dalam misi tersebut meninggalkan pelabuhan.

Semalam, kapten kapal Audacity of Hope yang membawa 36 sukarelawan Amerika Syarikat (AS) menjadi mangsa pertama perintah arahan itu setelah ditahan dan dipenjarakan oleh pihak berkuasa Greece.

Wartawan *Astro Awani*, Nazri Kahar yang membuat liputan pelayaran itu memberitahu, sukarelawan mengadakan demonstrasi secara aman di Pelabuhan Corfu bagi membantah tindakan pihak berkuasa Greece itu.

"Para sukarelawan berarak secara aman di sekitar Pelabuhan Corfu

dengan memegang sepanduk dan bendera negara masing-masing bagi memprotes tindakan pihak berkuasa Greece," katanya dalam laman Facebook *Astro Awani* hari ini.

Tambah beliau, bantahan turut dilakukan oleh penduduk Greece sendiri yang berdukacita dengan tindakan kerajaan mereka yang tunduk terhadap tekanan rejim Tel-Aviv.

Sementara itu, Nazri memberitahu bahawa keputusan terbaru nasib kapal Stefano Chiarim akan diketahui esok.

"Kita mengharapkan pihak berkuasa pelabuhan akan lebih 'berlembut' dalam keputusannya esok dan membenarkan kami berlepas ke Gaza," katanya

Pengerusi Aman Malaysia, Datuk Ahmad Zaki Zahid berkata, beliau optimis terhadap keputusan yang akan dikeluarkan oleh pihak berkuasa Pelabuhan Corfu itu.

"Kapten kapal telah berhubung dengan pihak berkuasa pelabuhan. In-

syallah permohonan terbaru akan memihak kepada kita," katanya.

Beliau menambah, tindakan menahan sesebuah kapal di pelabuhan tidak seharusnya berlaku kerana sebarang aktiviti keluar masuk kapal adalah keputusan kapal itu sendiri dan bukannya keputusan mana-mana kerajaan.

Dalam perkembangan berkaitan, Ahli Parlimen Rembau, Khairy Jamaluddin yang turut menyertai misi pembebasan itu diberi tanggungjawab untuk menulis surat bantahan kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan Kesatuan Eropah bagi membantah tindakan kerajaan Greece itu.

Selain Malaysia, sukarelawan dari Greece, Kanada dan AS merupakan antara sukarelawan yang menyertai konvoi 10 kapal, termasuk dua kapal kargo merentasi Laut Mediterranean dengan membawa 3,000 tan bekalan bantuan khusus kepada rakyat Palestin.